



**SIARAN MEDIA
PROGRAM CABUTAN BERTUAH
BAGI KEMPEN DAFTAR, BAYAR DAN MENANG CUKAI TAKSIRAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2021**

1. Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kini sedang menganjurkan program cabutan bertuah sempena Kempen Daftar, Bayar dan Menang Cukai Taksiran 2021. Kempen ini menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM100,000 dengan menawarkan sebuah kereta Perodua Axia sebagai hadiah utama, 6 buah motosikal dan pelbagai hadiah yang lumayan untuk dimenangi. Program cabutan bertuah ini terbuka kepada semua pemilik harta di pentadbiran MPS.
2. Kempen Daftar, Bayar dan Menang Cukai Taksiran 2021 diadakan untuk mempromosikan aplikasi MyMPS dan juga bil digital cukai taksiran. Untuk makluman, MPS telah menghentikan percetakan bil kertas pada penghujung tahun 2020 dan menggantikan dengan penghantaran bil digital kepada semua pemilik harta MPS.
3. Aplikasi MyMPS diwujudkan untuk memudahkan pemilik harta membuat pendaftaran, menyemak dan membuat pembayaran secara atas talian. Bagi melayakkan pemilik harta menyertai program ini, mereka hanya perlu mendaftar di aplikasi MyMPS dan membuat bayaran cukai taksiran secara atas talian sebelum 28 Februari 2021.
4. MPS menyeru kepada semua pemilik harta di kawasan pentadbiran Selayang untuk merebut peluang memenangi hadiah yang disediakan dengan menjelaskan cukai taksiran sebelum 28 Februari 2021. Pemberian hadiah-hadiah cabutan bertuah ini adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih MPS.



5. Untuk syarat-syarat penyertaan dan pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Hasil, Jabatan Perbendaharaan di talian 03-6126 5800 atau layari www.mps.gov.my.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

En. Mohamad Zin Bin Masoad A.M.S.

Pengarah

Jabatan Korporat

B.P Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

1 Februari 2021

